



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri UPM Meriah



Warga UPM sedang mengambil juadah pilihan.

SERDANG, 29 Sept – Majlis sambutan hari raya Aidilfitri Universiti Putra Malaysia (UPM) berlangsung dengan suasana meriah yang dihadiri oleh kira-kira 5,000 orang warga UPM terdiri daripada staf dan pelajar.

Majlis yang untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan staf turut dihadiri oleh Naib Canselor UPM, Prof. Tan Sri Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah bersama pihak pengurusan universiti.



Bienda (kanan) bersama Pian turut memeriahkan suasana dengan persembahan lagu raya.

Sambutan hari raya UPM pada kali ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Sosial dan Kebajikan UPM yang diketuai oleh Pejabat Pemasaran dan Komunikasi.

Pada majlis itu, Persatuan Wanita UPM (PERMATA) menghulurkan sumbangan kepada 46 ibu tunggal serta 42 anak yatim dan orang kurang upaya (OKU) berupa wang tunai disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris.



Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris sedang menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada anak yatim terpilih.

Kesemua penerima terdiri daripada staf UPM berpendapatan rendah selain sumbangan turut diberikan kepada dua staf UPM yang mempunyai anak OKU dan penghidap kanser otak.

Sambutan majlis diserikan dengan persembahan lagu oleh penyanyi Bienda, Sheeda dan pengacara Pian.



Lima pasangan yang memenangi pertandingan pakaian raya sedondon.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Siti Madihah Shaharizan 03-89466013, Unit Foto BKK 03-89466199).